



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



HUBUNGAN ANTARA PENGHAYATAN AKHLAK DENGAN KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

RELATIONSHIP BETWEEN INTERNALIZATION OF AKHLAK AND EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

Mohamad Khairi Haji Othman^{1*}, Fazira Rokman²

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: m_khairi@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: nor_fazira_rokman@soe.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2023

Revised date: 28.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Haji Othman, M. K., Rokman, F. (2023). Hubungan Antara Penghayatan Akhlak Dengan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 522-536.

DOI: 10.35631/IJEPC.850037

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Gejala-gejala yang menunjukkan kurangnya penghayatan akhlak dan kemerosotan kecerdasan emosi seperti keganasan, jenayah, penyalahgunaan dadah, kemurungan dikalangan kanak-kanak dan remaja, pembuangan bayi, pembulian di sekolah, keciciran di sekolah, penyakit pemakanan dan sebagainya masih berleluasa. Sehubungan itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Seramai 108 orang pelajar Islam Tingkatan Tiga terlibat sebagai responden. Data dikumpul melalui soal selidik bagi mengukur penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi pelajar. Analisis deskriptif iaitu peratus dan min digunakan untuk analisis taburan seperti demografi dan tahap penghayatan akhlak serta kecerdasan emosi. Sementara itu, analisis ujian t sampel bebas digunakan bagi menganalisis perbezaan penghayatan akhlak berdasarkan jantina pelajar. Bagi menentukan perbezaan penghayatan akhlak berdasarkan kedudukan kelas, ujian ANOVA sehala digunakan. Manakala analisis korelasi digunakan untuk analisis hubungan antara penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Dapatan deskriptif menunjukkan tahap penghayatan akhlak dimensi akhlak kepada alam sekitar menunjukkan min tertinggi berbanding dimensi-dimensi lain. Manakala bagi tahap kecerdasan emosi, dimensi motivasi diri menunjukkan nilai min tertinggi berbanding dimensi-dimensi lain. Ujian t sampel bebas mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penghayatan akhlak berdasarkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Sementara itu, ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan penghayatan akhlak berdasarkan kedudukan kelas. Analisis lanjut ujian post hoc mendapati penghayatan akhlak

pelajar dari kelas 3A4 lebih tinggi berbanding penghayatan akhlak pelajar dari kelas 3A3. Ujian Korelasi pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi. Kajian ini memberi implikasi kepada semua pihak betapa pentingnya amalan akhlak dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar. Oleh itu, program-program berkaitan memupuk penghayatan akhlak dan kecerdasan haruslah dilaksanakan dengan lebih banyak dan efisien.

Kata Kunci:

Penghayatan, Akhlak, Kecerdasan, Emosi, Pelajar.

Abstract:

Symptoms indicating a lack of akhlak internalization and deterioration of emotional intelligence such as violence, crime, drug abuse, depression among children and adolescents, abandonment of babies, school bullying, school truancy and dropouts, nutritional diseases and so on are still prevalent. In this regard, this study was conducted to identify the internalization of akhlak and emotional intelligence involving 108 Form Three Muslim students as respondents. Data was collected through questionnaires and descriptive analysis i.e. percentage and mean were used for the analysis of distributions such as demographics and levels of akhlak internalization and emotional intelligence. An independent t-test analysis was used to analyse differences in akhlak internalization based on gender while a one-way ANOVA test was used to determine the difference in akhlak internalization based on class position. In addition, correlation analysis was used to analyse the relationship between akhlak internalization and emotional intelligence among students. From the descriptive findings, the level of akhlak towards the environment dimension showed the highest mean compared to other dimensions while for the level of emotional intelligence, the self-motivation dimension showed the highest mean value compared to other dimensions. An independent t-sample test found that there was no significant difference in akhlak internalization based on gender. However, the ANOVA test showed that there was a difference in akhlak internalization based on class position. Further analysis of the post hoc test found that the akhlak internalization of students in Form 3A4 was higher than the moral internalization of students in Form 3A3. Correlation Test, on the other hand, showed that there was a significant relationship between akhlak internalization and emotional intelligence. This study has implications for all parties on the importance of akhlak practices in improving students' emotional intelligence. Therefore, programmes related to fostering akhlak internalization and intelligence should be implemented more regularly and efficiently.

Keywords:

Internalization, Akhlak, Intelligence, Emotion, Students.

Pengenalan

Sektor pendidikan merupakan salah satu sektor yang paling penting dalam sesebuah negara kerana melalui sistem persekolahan masyarakat dididik untuk menjadi warganegara yang lengkap dengan ilmu pengetahuan dan dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan juga negara pada masa kelak. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mana terdapat 6 ciri aspirasi pelajar dan ini merupakan aspek kemenjadian pelajar. Ciri-ciri aspirasi pelajar

tersebut adalah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. KPM berhasrat agar hasil Pendidikan di sekolah mampu melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah dari sudut etika, akhlak dan rohani. Hal ini supaya golongan generasi muda tersebut dapat menjadi insan yang bermanfaat kepada masyarakat. Etika seorang pelajar itu merupakan satu elemen yang penting kerana ia merupakan gambaran awal kepada orang lain mengenai diri pelajar itu dari sudut kelakuan dan tingkah laku sama ada baik atau sebaliknya.

Pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan pelajar yang tinggi sedangkan aspek emosi tidak diberikan penekanan sewajarnya (Azizi Yusof, 2018). Menurut Goleman (1998) kecerdasan emosi merupakan keupayaan seseorang individu itu untuk mengurus kehidupan emosinya dalam dirinya dan mengurus emosi dalam perhubungan yang berkesan. Pengasas konsep kecerdasan emosi, Salovey dan Mayer (1990), menyatakan bahawa kecerdasan emosi membolehkan seseorang individu menyelesaikan sesuatu masalah dengan bijaksana dan berfikir secara kreatif. Maka, individu yang cekap dalam empat aspek iaitu menggunakan emosi, mengenal pasti emosi, memahami emosi dan mengawal emosi juga mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi.

Guru menganggap kecerdasan emosi itu bergantung kepada nilai-nilai dan budaya yang perlu dipupuk oleh ibu bapa pelajar itu sendiri kepada anak mereka di rumah (Chan Siok Gim dan Rodziah Mohamad Nor, 2018). Bagi pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang seimbang akan cenderung kepada tingkah laku yang seimbang dan sebaliknya manakala bagi pelajar yang mahir dalam mengendalikan kecerdasan emosi dirinya juga mampu menjamin kesejahteraan dalam kehidupan (Azizi, Yusof et.al, 2020). Tanda-tanda berlaku gangguan emosi boleh dilihat melalui tanda- tanda seorang pelajar itu memilih untuk tidak mahu pergi ke sekolah, ponteng sekolah atau kelas. Kemurungan boleh menyebabkan mereka bertindak tanpa memikirkan risiko dan kebanyakan remaja yang murung ingin mendapatkan perhatian daripada ibu bapa dengan cara yang negatif seperti ponteng sekolah (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi merupakan suatu aspek yang perlu ditekankan dan penting untuk diri setiap pelajar.

Penyataan Masalah

Isu pencapaian akademik yang rendah dan tingkah laku kenakalan pelajar Melayu, walaupun telah diberikan bantuan dan insentif yang banyak oleh kerajaan masih banyak diperkatakan (Azizi Yusof, 2018). Kajian-kajian pendidikan sentiasa menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan di negara kita yang menyentuh berkaitan dengan isu keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Sistem pendidikan di Negara ini lebih menjurus kepada pembangunan luaran sahaja berbanding dengan kekurangan dalam aspek pembinaan kerohanian (Ab Halim Tamuri, 2011). Antara punca-punca berlakunya permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia adalah kurang didikan agama. Menurut Amran Seman, (2021) pelajar yang mempunyai masalah dalam keruntuhan akhlak adalah disebabkan oleh jati diri yang kurang di dalam diri. Selain itu, didikan agama oleh ibu bapa yang kurang serta kelemahan diri. Hal ini menyebabkan pelajar-pelajar tersebut mudah terpengaruh.

Remaja yang terlibat dengan masalah akhlak ini mempunyai latar belakang keluarga yang jauh dari aspek agama dan mereka tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh. Syed Azmi (2021) menyatakan latar belakang keluarga yang bermasalah juga menjadi faktor dalam berlakunya keruntuhan akhlak pelajar. Kepincangan keluarga merupakan faktor terbesar yang

menyumbang kepada peningkatan kes dalam permasalahan akhlak seperti pelajar terlibat dengan penzinaan. Menurut Lukman Mutalib (2022) kajian lepas mendapati bahawa remaja yang terlanjur ini terdiri daripada latar belakang keluarga yang bermasalah seperti ibu bapa bercerai, kegagalan komunikasi dengan anak, ibu bapa yang terlalu mengongkong, tidak memberikan didikan agama, mengambil dadah dan mendorong perlakuan zina. Punca seterusnya adalah nilai Pendidikan yang rendah. Rata-rata remaja yang terlibat dengan seks bebas sehingga lahirnya anak yang tidak sah taraf adalah terdiri daripada golongan yang mempunyai taraf Pendidikan yang rendah. Golongan remaja tersebut tidak berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi disebabkan oleh kurang berminat atau kurang galakkan daripada ibu bapa (Rafeah, 2021). Kurang pengetahuan tentang Pendidikan seksual juga boleh menjadi salah satu punca berlakunya permasalahan dalam keruntuhan akhlak. Remaja-remaja tersebut tidak mengetahui bahawa perbuatan seks yang dilakukan mereka akan menyebabkan mengandung dan sebagainya (Rafeah, 2021).

Keengganan ibu bapa untuk memberikan penerangan kepada anak-anak berkaitan hal seksualiti disebabkan oleh malu menyebabkan mereka tidak memahami mengenai hak dan maruah yang perlu dijaga. Akhir sekali, punca berlakunya keruntuhan akhlak adalah pengaruh rakan sebaya. Menurut Rafeah (2021), penghuni Sekolah Tunas Bakti Marang terdiri dari umur 14 tahun hingga 17 tahun. Mereka terdiri daripada remaja yang terlibat dengan masalah akhlak. Pendapat remaja yang menghuni di Sekolah Tunas Bakti Marang menjelaskan bahawa pengaruh rakan menjadi punca utama yang membawa kepada zina. Rakan-rakan akan mempengaruhi rakannya untuk melakukan perhubungan tanpa Batasan antara lelaki dengan perempuan sehingga lama-kelamaan terciptalah hubungan percintaan dan menjerumus kepada aktiviti perzinaan.

Pada masa kini kehidupan manusia penuh dengan cabaran dan persaingan yang memerlukan seseorang individu mempunyai kekuatan mental dan fizikal dalam menghadapi segala rintangan dan untuk memperjuangkan hidup. Tetapi dengan hanya mempunyai kekuatan mental dan fizikal adalah tidak cukup untuk membantu seseorang individu meneruskan kehidupan kerana individu akan berhadapan dengan pelbagai masalah seperti masalah ekonomi, kesihatan, sosial, kerjaya, keselamatan dan pelbagai lagi. Bagi menjadikan seseorang individu itu kuat untuk menghadapi semua cabaran dalam kehidupan adalah penting mempunyai kekuatan emosi atau lebih dikenali sebagai kecerdasan emosi (Suzyliana Mamat, 2016).

Masyarakat pada masa kini lebih memberi perhatian kepada kecerdasan intelek atau dikenali sebagai Intelligent Quotient (IQ). Kecerdasan intelek menjadi lebih penting kerana terdapat lebih ramai individu yang mendapat pendidikan tinggi, nutrisi yang lebih baik, ilmu pengetahuan mudah diperolehi melalui pendidikan secara langsung atau tidak langsung seperti media cetak dan media elektronik. Selain itu dalam institusi keluarga sekarang lebih mengamalkan keluarga nuklear menyebabkan ibu bapa dapat memberi perhatian kepada pendidikan anak-anak. Tetapi keadaan ini menyebabkan berlaku pengabaian terhadap kecerdasan emosi individu. Gejala-gejala yang menunjukkan kemerosotan kecerdasan emosi (EQ) ialah seperti keganasan, jenayah, penyalahgunaan dadah, kemurungan dikalangan kanak-kanak dan remaja, pembuangan bayi, pembulian di sekolah, keciciran di sekolah, penyakit pemakanan, dan sebagainya (A. J. Michael, 2016).

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dijalankan, penyelidik mendapati faktor keruntuhan akhlak adalah kurang didikan agama, pengaruh rakan sebaya, ibu bapa dan juga teknologi yang

semakin canggih. Namun ada kejadian yang menyelidik bahawa akhlak mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang itu terutama pelajar. Kajian- kajian yang memberikan fokus kepada pelajar Sekolah Menengah kurang berkaitan kecerdasan emosi yang menjadi salah satu punca dalam penghayatan akhlak pelajar. Oleh itu, tinjauan mengenai hubungan penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi khususnya pelajar tingkatan 3 di SMK Sungai Pasir.

Tinjauan Literatur

Konsep Penghayatan Akhlak dan Kajian Lepas

Akhlak dari segi Bahasa berasal daripada perkataan “khuluq” iaitu perilaku, perangai atau tabiat (Nuffnang, 2012). Dari segi istilah, akhlak ialah sifat yang tertanam di dalam diri iaitu yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan (Anwar Azmi, 2022). Akhlak yang sempurna merupakan satu aset yang terpenting dalam kehidupan seorang Muslim. Akhlak boleh berperanan menjadi kriteria penentu status seseorang sama ada individu tersebut seorang yang baik dan beriman atau sebaliknya. Kata-kata Aisyah berkaitan akhlak Rasulullah SAW yang bermaksud: “Akhlaknya (Rasulullah) adalah Al-Quran. Akhlak Rasulullah yang dimaksudkan ialah kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap dan tingkah laku Rasulullah SAW semuanya merupakan pelaksanaan ajaran Al-Quran (Nuffnang, 2012). Setiap tokoh Islam mempunyai pandangan mereka tersendiri terhadap akhlak. Menurut Ibn Miskawih, akhlak ialah keadaan jiwa seseorang yang mendorong untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan. Dalam kitab Tahdnib al-Akhlaq, jiwa yang dimaksudkan beliau terbahagi kepada dua iaitu keadaan jiwa yang bersifat tabii (asli) seperti perasaan marah, sedih, gembira dan lain-lain. Kedua, keadaan jiwa yang terbentuk melalui latihan dan kebiasaan. Termasuk dalam perbuatan yang lahir daripada kedua-dua keadaan jiwa tersebut (Anwar Azmi, 2022).

Imam al-Ghazali membuat takrifan yang hampir sama dengan yang dinyatakan oleh Ibn Miskawih. Menurut beliau, akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang. Darinya terbentuk perbuatan dengan mudah tanpa berkehendakkan pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Selain itu, jika keadaan ini melahirkan perbuatan yang baik seperti perbuatan yang diterima oleh akal dan syarak ia dinamakan akhlak yang baik. Sebaliknya jika ia melahirkan perbuatan yang jahat maka ia dinamakan akhlak yang buruk. Oleh itu, bagi imam al-Ghazali, akhlak bukan pengetahuan atau kebolehan untuk melakukan sesuatu perbuatan tetapi ia sebenarnya keadaan kejiwaan yang merupakan punca kepada wujudnya tingkahlaku.

Kajian yang dilakukan oleh Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin dan Andi Suwirta (2016) bertujuan untuk mengkaji faktor kepada Penghayatan Akhlak Islam dalam kalangan Belia di IPTA Malaysia. Hasil kajian mendapati Pendidikan keagamaan oleh ibu bapa menunjukkan sumbangan yang signifikan terhadap penghayatan akhlak Islam iaitu sebanyak 20% diikuti oleh pertatutan ibu bapa sebanyak 4.3% dan pertautan rakan sebaya hanya menyumbang sebanyak 1.6% sahaja. Kajian ini menunjukkan bahawa proses membentuk seseorang belia untuk berakhlak mulia memerlukan kesepaduan antara Pendidikan secara formal dan tidak formal. Proses Pendidikan secara formal adalah seperti pelajar ke sekolah menuntut ilmu bersama guru di dalam kelas manakala Pendidikan secara tidak formal adalah pelajar mendapat sesuatu ilmu daripada ibu bapa atau masyarakat luar. Tempoh masa yang dihabiskan pelajar Bersama ibu bapa dan juga rakan sebaya adalah lebih Panjang berbanding masa yang diluahkan dalam Pendidikan formal.

Konsep Kecerdasan Emosi dan Kajian Lepas

Perkataan emosi berasal daripada Bahasa Perancis iaitu *emouvoir* yang bermaksud kegembiraan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, emosi dapat ditakrifkan sebagai suatu perasaan atau jiwa yang kuat. Menurut Oxford English Dictionary, emosi bermaksud setiap pergerakan atau pergolakan fikiran, perasaan, nafsu iaitu menunjukkan keadaan mental yang hebat. Manusia merupakan antara hidupan yang memiliki emosi yang sangat kompleks dan halus. Emosi juga adalah adaptasi evolusi kerana meningkatkan kemampuan organisma untuk mengalami dan mengevolusi lingkungannya dan kemudian menambah kemungkinan hidup. Manakala kecerdasan pula didefinisikan menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga sebagai kesempurnaan akal untuk berfikir, memahami, mengerti dan seumpamanya.

Chapman (2018) telah mengemukakan tiga perkara penting dalam mendefinisikan kecerdasan emosi. Pertama, mengetahui perasaan diri sendiri dan orang lain serta perkara yang perlu dilakukan. Kedua, perasaan yang baik dan perasaan yang tidak baik serta cara yang boleh digunakan untuk mengubah perasaan yang tidak baik kepada perasaan yang lebih baik. Ketiga, mempunyai kesedaran emosi, sensitiviti dan kemahiran pengurusan yang akan membantu seseorang individu memaksimakan kebahagiaan jangka panjang. Secara ringkasnya, beliau telah membahagikan kecerdasan emosi kepada dua bahagian utama iaitu intrapersonal dan interpersonal. Dalam intrapersonal, terdapat dimensi-dimensi seperti keupayaan mengenal emosi sendiri, keupayaan mengurus emosi sendiri dan motivasi sendiri. Interpersonal pula mengandungi dimensi keupayaan mengendalikan perhubungan yang berkesan dan keupayaan mengenal emosi orang lain.

Kompetensi Kecerdasan Emosi ialah kebolehan untuk mengecam perasaan diri sendiri dan juga perasaan orang lain serta memotivasikan diri untuk mengurus emosi diri serta perhubungan kita dengan orang lain dengan baik. Kemahiran ini amat penting dan perlu dipraktikkan oleh setiap guru dalam proses mendidik murid-murid dan anak-anak di rumah serta dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, kesedaran sendiri melibatkan kepercayaan dan keyakinan pada diri sendiri. Individu yang sentiasa dalam keadaan sedar akan jenis-jenis emosinya mampu mengawal dan mengelakkan berlaku kejadian yang tidak diingini. Oleh itu, setiap guru mestilah mempelajari dan mendalami kemahiran ini demi keharmonian masa depan (Amir, 2019).

Kecerdasan emosi ialah kebolehan individu untuk mengelola perasaan atau emosinya (Goleman, 1995). Antara lain ialah bagaimana individu itu boleh memotivasikan diri sendiri dan orang lain. Kecerdasan emosi mencakupi pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasikan diri sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebihi- lebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca pesanan terdalam orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik serta untuk memimpin (Hamid, 2018).

Kajian oleh Noorajamsha Nasrin dan Azizan Morshidi (2018) mengkaji kecerdasan emosi dipengaruhi oleh perbezaan gender dalam pekerjaan. Hasil dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesedaran diri pekerja ($t = -1.028$). Tahap kesedaran diri pekerja lelaki ($m = 23.6$) adalah sama dengan tahap kesedaran diri pekerja perempuan ($m = 24.3$). Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berhubung tahap pengurusan diri pekerja ($t = -1.12$). Tahap pengurusan diri pekerja lelaki ($m = 22.66$) pula adalah sama dengan tahap pengurusan diri pekerja perempuan ($m = 23.38$).

Dapatan Kajian

Jantina Pelajar

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam jadual 1 menunjukkan secara keseluruhan dapat dilihat bahawa peratus responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki. Hasil analisis menunjukkan peratus responden perempuan adalah sebanyak 74.1 % lebih tinggi berbanding peratus responden lelaki sebanyak 25.9% sahaja.

Jadual 1: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	28	25.9
Perempuan	80	74.1
Jumlah	108	100.0

Kedudukan Kelas

Analisis dapatan soal selidik yang dimuatkan dalam jadual 2 menunjukkan secara keseluruhan dapat dilihat bahawa peratus responden pelajar 3A3 lebih tinggi berbanding kelas-kelas yang lain. Hasil analisis menunjukkan peratus responden pelajar 3A3 adalah tinggi sebanyak 26.9 % diikuti oleh kelas 3A1 sebanyak 22.2%. Bagi kelas 3A2, peratus responden menunjukkan sebanyak 20.4 % manakala peratus bagi kelas 3A4 iaitu sebanyak 16.7 %. Peratus kelas 3A5 menunjukkan paling rendah iaitu sebanyak 13.9 %.

Jadual 2: Kedudukan kelas

Kedudukan kelas	Kekerapan	Peratus
3A1	24	22.2
3A2	22	20.4
3A3	29	26.9
3A4	28	16.7
3A5	15	13.9
Jumlah	108	100

Tahap Penghayatan Akhlak

Hasil analisis statistik deskriptif yang dijalankan, nilai min bagi tahap penghayatan akhlak adalah 4.69. Oleh yang demikian, dapatan ini menjelaskan bahawa tahap penghayatan akhlak berada pada tahap yang tinggi berdasarkan jadual interpretasi skor min. Penghayatan Akhlak terhadap Allah dan Rasul menunjukkan nilai min adalah 4.61 dan sisihan piawai sebanyak 0.56. Bagi penghayatan akhlak terhadap diri menunjukkan nilai min adalah 4.70 dan sisihan piawai 0.47. Penghayatan akhlak terhadap Sekolah dan Masyarakat menunjukkan nilai min adalah 4.64 dan sisihan piawai 0.51. Penghayatan akhlak terhadap Alam Sekitar memperoleh min adalah 4.80 dan sisihan piawai adalah 0.36. Penghayatan akhlak terhadap alam sekitar menunjukkan elemen yang mendapat min paling tinggi berbanding yang lain.

Jadual 3: Tahap Penghayatan Akhlak

Tahap penghayatan akhlak	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan piawai
Penghayatan akhlak	108	3.45	5.00	4.69	0.43
Akhlak Allah dan Rasul	108	3.00	5.00	4.61	0.56
Akhlak diri	108	3.00	5.00	4.70	0.47
Akhlak Sekolah dan Masyarakat	108	3.20	5.00	4.64	0.51
Akhlak alam sekitar	108	3.40	5.00	4.80	0.36

Tahap Kecerdasan Emosi

Hasil analisis statistik deskriptif yang dijalankan, nilai min bagi tahap kecerdasan emosi adalah 3.92. Oleh yang demikian, dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kecerdasan emosi berada pada tahap yang tinggi berdasarkan jadual interpretasi skor min. Kesedaran sendiri menunjukkan nilai min adalah 3.78 dan sisihan piawai 0.72. Kawalan sendiri menunjukkan nilai min sebanyak 3.73 dan sisihan piawai 0.80. Motivasi diri menunjukkan nilai min sebanyak 4.10 dan sisihan piawai 0.55. Empati menunjukkan nilai min adalah 3.94 dan sisihan piawai 0.50. Nilai min bagi kemahiran sosial adalah 4.02 dan sisihan piawai 0.52. Elemen motivasi diri menunjukkan nilai min yang paling tinggi berbanding elemen kecerdasan emosi yang lain.

Jadual 3: Tahap Kecerdasan Emosi

Tahap kecerdasan emosi	Bil	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan piawai
Kecerdasan emosi	108	2.88	5.00	3.92	0.48
Kesedaran sendiri	108	1.40	5.00	3.78	0.72
Kawalan sendiri	108	1.80	5.00	3.73	0.80
Motivasi Diri	108	2.80	5.00	4.10	0.55
Empati	108	2.20	5.00	3.94	0.50
Kemahiran sosial	108	2.00	5.00	4.02	0.52

Penghayatan Akhlak Berdasarkan Jantina

Ujian t sampel bebas dilaksanakan bagi menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan akhlak berdasarkan jantina. Hasil analisis ujian Levene mendapati varians adalah sama ($p = 0.10 > 0.05$). Analisis ujian t sampel bebas menunjukkan tidak terdapat

perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki ($M = 4.43$, $SP = 0.46$) dan pelajar perempuan ($M = 4.78$, $SP = 0.38$), $t(106) = -3.91$, $p = 0.000 < 0.05$. Oleh yang demikian, h_0 diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan penghayatan akhlak berdasarkan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Jadual 5: Hasil Pengujian Hipotesis I

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai signifikan	Nilai t
Lelaki	28	4.43	0.46	0.10	-3.91
Perempuan	80	4.78	0.38		-3.56

Penghayatan Akhlak Berdasarkan Kedudukan Kelas

Memandangkan hipotesis alternatif diterima iaitu terdapat perbezaan di antara kedudukan kelas, maka analisis post hoc dilakukan bagi melihat perbezaan untuk kelima-lima kelas tersebut dalam aspek penghayatan akhlak. Berdasarkan analisis post hoc, dapatan kajian menunjukkan kelas 3A4 dan kelas 3A3 mempunyai perbezaan. Kelas 3A4 adalah lebih baik daripada kelas 3A3 sebanyak 0.39 mata. Kelas 3A1, 3A2 dan 3A5 menunjukkan tiada perbezaan di antara mereka. Oleh yang demikian, tahap penghayatan akhlak dalam diri pelajar 3A4 adalah lebih baik daripada penghayatan akhlak pelajar kelas 3A3.

Jadual 6: Hasil Pengujian Hipotesis II

Penghayatan Akhlak Berdasarkan Kedudukan Kelas	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Nilai signifikan
Antara Kumpulan	1.94	4	0.48	2.79	0.03
Dalam Kumpulan	17.91	103	0.17		
Jumlah	19.85	107			

Analisis Hubungan Penghayatan Akhlak Dengan Kecerdasan Emosi Dalam Diri Pelajar

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi iaitu $r = 0.73$, $p = 0.00 < 0.05$. Nilai pekali $r = 0.73$ menunjukkan kadar hubungan yang sangat kuat di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini membuktikan bahawa penghayatan akhlak mempengaruhi kecerdasan emosi pelajar.

Jadual 7: Hasil Pengujian Hipotesis III

	Bilangan	Korelasi Perason	Nilai signifikan
Penghayatan akhlak	108	1	0.00
Kecerdasan emosi	108	0.73	0.00

Perbincangan Dapatan Kajian

Penghayatan Akhlak

Dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa dimensi-dimensi dalam penghayatan akhlak berperanan dalam diri pelajar. Dimensi penghayatan akhlak terhadap Alam Sekitar menunjukkan min yang paling tinggi sebanyak 4.80 berbanding dimensi yang lain. Bagi pernyataan “saya memastikan pakaian bersih daripada kekotoran dan najis” dan “saya mengelakkan diri daripada meludah merata-rata” menunjukkan sebanyak 90% responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar telah mengetahui kepentingan menjaga kebersihan kerana umat Islam diwajibkan untuk menjaga kebersihan diri dan persekitaran.

Menurut Mahfuzah Mohammed Zabidi dan Ab.Halim Tamuri (2020) kajian yang dijalankan bertajuk Pengaruh Kepercayaan Konsep Ilmu Islam terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar Universiti Awam mendapati min yang diperolehi bagi akhlak kepada diri menunjukkan paling rendah diantara subkonstruk yang lain iaitu sebanyak 3.97 atau $M = 3.97$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar kurang berupaya menjauhi perbuatan yang sia-sia dan kurang bersungguh mengawasi diri dari terjebak dengan kemungkaran. Masalah ini mungkin disebabkan oleh pengaruh negatif rakan-rakan dan lemahnya diri untuk bermujahadah. Maka pelajar berterusan melakukan perkara yang tidak berfaedah serta boleh memberi kesan negatif kepada diri (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019). Dapatan kajian lepas berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Setelah pengkaji melakukan analisis min, penghayatan akhlak terhadap diri menunjukkan min kedua tertinggi selepas penghayatan akhlak terhadap alam sekitar iaitu min sebanyak 4.70 atau $M = 4.70$. Hal ini menunjukkan pelajar-pelajar Islam Tingkatan 3 di SMK Sungai Pasir melakukan kaedah tazkiyah al-nafs dalam diri mereka. Tazkiyah al-nafs bermaksud suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersihkan dan menyucikan diri seseorang manusia dari sifat-sifat yang buruk yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak mulia (al-Ghazali, 2003). Sebagai contoh item bagi saya menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, sebanyak 77.1 % responden menjawab sangat setuju menunjukkan responden mengetahui batas pergaulan antara lelaki dan juga perempuan.

Selain itu, elemen penghayatan akhlak terhadap Allah dan Rasul menunjukkan min yang paling rendah iaitu sebanyak 4.61 atau $M = 4.61$. Walaupun sekiranya mengikut interpretasi skor min, min bagi penghayatan akhlak terhadap Allah dan Rasul masih berada pada tahap yang tinggi namun diantara keempat-empat elemen yang dikaji dalam penghayatan akhlak menunjukkan elemen tersebut mendapat min yang terendah. Antara kelima-lima item yang dikaji, item bagi “saya segera menunaikan solat pada awal waktu” menunjukkan sebanyak

22.7 % responden menjawab setuju dan sebanyak 13.6 % menjawab tidak pasti. Seramai 1.8 % responden menjawab tidak setuju yang bermaksud responden tersebut menunaikan solat pada hujung-hujung waktu. Bagi item “saya memperuntukkan masa untuk membaca Al-Quran pada setiap hari” menunjukkan sebanyak 15.5 % responden menjawab tidak pasti dan 2.7 % responden menjawab tidak setuju. Hal ini menunjukkan masih ada segelintir responden yang mengabaikan tanggungjawabnya sebagai hamba untuk melaksanakan perkara-perkara yang wajib dilakukan sebagai umat Islam. Terdapat empat alasan mengapa manusia perlu berakhlak kepada Allah iaitu yang pertama kerana Allah SWT yang menciptakan manusia. Kedua, Allah SWT yang telah memperlengkapkan pancaindera manusia dari segi pendengaran, penglihatan, akal fikiran dan hati serta anggota-anggota badan yang lain. Ketiga, Allah SWT yang menyediakan berbagai bahan dan keperluan yang diperlukan bagi kelangsungan hidup seperti bahan makanan yang berasal dari tumbuh-tumbuhan dan terakhir ialah Allah SWT yang memuliakan manusia dengan diberikannya kemampuan daratan dan lautan (Hendy Noesae, 2020).

Kecerdasan Emosi

Dapatan kajian mendapati elemen motivasi diri menunjukkan nilai min yang paling tinggi berbanding elemen-elemen yang lain. Dimensi ini merujuk kepada kecenderungan emosi yang mampu menggerakkan dan memandu emosi ke arah pencapaian matlamat yang ditetapkan (Siti Sarawati, 2019). Nilai min bagi motivasi diri adalah 4.10 atau $M = 4.10$. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan menurut Mohd Salleh Abu, Abdul Halim Abdullah, Nor Hasniza Ibrahim dan Johari Surif (2019) mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dan motivasi pelajar dalam menyelesaikan masalah matematik bukan rutin. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati dimensi motivasi sendiri memperoleh min yang tinggi iaitu 3.04. Skor min bagi item sentiasa bersemangat untuk melakukan sesuatu perkara berada pada tahap yang paling tinggi. Perkara ini menjelaskan bahawa pelajar sentiasa mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk menyelesaikan masalah matematik bukan rutin. Dapatan kajian Azizi et.al (2005) pula mendapati bahawa pelajar-pelajar daripada empat buah sekolah di daerah Batu Pahat, Johor mempunyai tahap kecerdasan emosi motivasi diri yang tinggi diikuti pula oleh dimensi kecerdasan emosi pengawalan emosi, dimensi empati, kemahiran interpersonal dan disusuli dimensi kesedaran diri. Perkara ini dapat menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri mereka akan berusaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan mula bertindak dengan penuh keyakinan.

Selain itu, elemen kecerdasan emosi bagi kawalan sendiri menunjukkan nilai min yang paling rendah berbanding elemen-elemen kecerdasan emosi yang lain. Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 3.73 atau $M = 3.73$.

Walaupun mengikut jadual interpretasi skor min, elemen kawalan sendiri berada pada tahap yang tinggi namun jika dibandingkan dengan elemen kecerdasan emosi yang lain, elemen kawalan sendiri menunjukkan nilai yang paling rendah. Bagi item “saya sukar memenuhi janji yang telah dibuat” menunjukkan sebanyak 14.5 % responden bersetuju dan 16.4 % menjawab sangat setuju bagi pertanyaan tersebut. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan Maisarah Binti Ishak (2018) yang mengkaji dimensi kecerdasan emosi di kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Mara, Pahang. Dapatan kajian tersebut menunjukkan dimensi kawalan sendiri menunjukkan skor min yang paling terendah iaitu sebanyak 2.90. Hal ini jelas membuktikan bahawa kecerdasan emosi penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran pelajar berjalan dengan lancar dan baik.

Penghayatan Akhlak Berdasarkan Jantina

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek penghayatan akhlak pelajar Islam Tingkatan 3 di SMK Sungai Pasir berdasarkan faktor jantina kerana nilai varian adalah sama iaitu hasil ujian Levene mendapati varians adalah sama ($p = 0.10$). Hal ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek penghayatan akhlak di antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Namun terdapat perbezaan min di mana min bagi pelajar perempuan iaitu sebanyak 4.78 adalah lebih tinggi berbanding min pelajar lelaki iaitu sebanyak 4.43

Namun, kajian yang dilakukan oleh Ajmain @ Jimaain Safar dan Ab. Halim Tamuri (2011) mendapati secara perbandingannya mendapati bahawa tahap pencapaian akhlak rakan sebaya responden perempuan lebih baik berbanding lelaki. Dapatan ini menyokong hasil kajian Azhar (2006) bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara responden perempuan dengan responden lelaki. Responden perempuan didapati mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Penghayatan Akhlak Berdasarkan Kedudukan Kelas

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek penghayatan akhlak pelajar Islam Tingkatan 3 di SMK Sungai Pasir berdasarkan kedudukan kelas. Hasil ujian ANOVA sehalu bagi signifikan menunjukkan nilai ($p = 0.03$, $p < 0.05$). Hal ini bermaksud terdapat perbezaan di antara kedudukan kelas bagi 3A1, 3A2, 3A3, 3A4 dan 3A5 dalam aspek penghayatan akhlak. Ujian ANOVA Lanjutan iaitu post hoc dilakukan bagi mengkaji perbezaan dalam setiap kelas tersebut. Kajian mendapati kelas 3A4 mempunyai penghayatan akhlak lebih baik sebanyak 0.39 mata berbanding penghayatan akhlak pelajar di dalam kelas 3A3.

Pengkaji berpendapat bahawa pelajar-pelajar kelas 3A4 walaupun dari pencapaian akademik, mereka ketinggalan di belakang berbanding pencapaian akademik pelajar 3A3. Pelajar-pelajar kelas 3A4 melakukan amalan *riyadhah* iaitu melazimi amalan kebaikan. Apabila seorang pelajar melakukan kebaikan, maka pelajar-pelajar yang lain akan turut mencontohi perbuatan yang dilakukan oleh pelajar tersebut dan melakukan perbuatan tersebut kerana beranggapan ia perkara yang mulia. Sekiranya seorang manusia melakukan kebaikan, maka Allah akan memberikan pelbagai ganjaran kepada manusia itu. Maka, persekitaran kelas 3A4 dipenuhi dengan manusia-manusia yang melakukan kebaikan lalu ia akan mempengaruhi persekitaran seluruh kelas. Ia boleh menjadi faktor kepada penghayatan akhlak kelas 3A4 lebih baik berbanding penghayatan akhlak pelajar kelas 3A3.

Hubungan Penghayatan Akhlak dengan Kecerdasan Emosi

Bahagian ini membincangkan tentang hubungan penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aspek penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi iaitu $r = 0.73$, $p = 0.00$. Hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Abdul Arif Sidi, Mohd Isa Hamzah dan Ab Halim Tamuri (2021) yang mengkaji tahap amalan religiositi dan kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan GPI Sekolah Kebangsaan. Amalan religiositi yang dikaji dalam kajian ini terbahagi kepada tiga amalan iaitu amalan akidah, amalan ibadat dan amalan akhlak. Penyelidik hanya melihat amalan religiositi dari aspek amalan akhlak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi amalan akhlak kedua tertinggi berbanding amalan akidah iaitu 4.22. Dapatan ini menunjukkan kepentingan penguasaan dan pengurusan emosi (EQ) yang baik

dalam menjalin hubungan yang harmoni dalam komitmen kerja afektif dalam kalangan rakan sekerja dan masyarakat setempat.

Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah selari dengan teori Penghayatan Akhlak Imam Al-Ghazali di mana akhlak merujuk kepada sifat semula jadi, tabiat, kebiasaan, tingkah laku dan gaya hidup seseorang individu. Dalam kehidupan seharian, pastinya tingkah laku yang dilakukan berkaitan dengan emosi seseorang manusia pada ketika itu. Sebagai contoh, seseorang itu bertindak meninggikan suara akibat dia berasa marah dengan tindakan yang dilakukan oleh seseorang. Maka dapatan kajian ini adalah selari dengan yang disebut oleh Imam al-Ghazali mengenai penghayatan akhlak mempengaruhi kecerdasan emosi seseorang individu.

Kesimpulan

Kajian ini telah memenuhi objektif kajian dan telah menjawab kesemua persoalan kajian yang dinyatakan. Dapatan kajian menunjukkan dalam aspek penghayatan akhlak, elemen penghayatan akhlak menunjukkan nilai min yang paling tinggi. Dalam aspek kecerdasan emosi pula, elemen motivasi diri menunjukkan nilai min yang paling tinggi. Hasil pengujian hipotesis I menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penghayatan akhlak berdasarkan jantina pelajar. Hasil pengujian hipotesis II menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan penghayatan akhlak berdasarkan kedudukan kelas. Penghayatan akhlak pelajar-pelajar kelas 3A4 lebih baik berbanding penghayatan akhlak pelajar-pelajar kelas 3A3. Hasil pengujian hipotesis III menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penghayatan akhlak dengan kecerdasan emosi.

Keputusan kajian ini mungkin dapat membantu pihak-pihak yang tertentu yang ingin mengenal pasti tentang aspek penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi. Diharapkan juga agar semua pihak khususnya guru-guru bimbingan dan kaunseling mengedarkan borang soal selidik dari kajian ini bagi melihat aspek penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi dalam diri pelajar. Bermula dari situlah, guru-guru bimbingan dan kaunseling dapat membantu pelajar untuk menjadi manusia atau umat Islam yang lebih baik. Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui mengenai aspek penghayatan akhlak dan kecerdasan emosi anak mereka kerana ianya mempengaruhi personaliti anak-anak mereka.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia atas sokongan menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail. (2022). Hubungan persekitaran Sekolah Dan Guru Dengan Amalan Akhlak murid sekolah menengah Malaysia. *International Journal of Islamic Thought (IJT)*, Volume 19, 1-13
- Abd Halim Tamuri (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Volume 3(1), 59-74
- Abdul Arif Sidi, Mohd Isa Hamzah, Ab Halim Tamuri (2021). Tahap Amalan Religiositi Dan Kecerdasan EMOSI (EQ) Dalam Kalangan GPI Sekolah Kebangsaan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islamic and Civilization*, Volume 4 (2), 16-31.

- Abdullah Sulong, Mawaddah Abdullah (2019). Pengaruh Media Elektronik terhadap keruntuhan akhlak pelajar. *Universiti Teknologi Malaysia Institution Repository*: 1-9
- Ahmad Faqih Ibrahim, Ummi Nuwairah Norismail, Mustafa Kamal (2019). Tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja yang terlibat dengan keruntuhan akhlak. *Jurnal Muw'izah*, Volume 2: 71-78.
- Ajmain @ Jimaain Safar, Ab Halim Tamuri. (2011). Tahap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menurut pentaksiran rakan sebaya. *Journal 2nd International Conference on Islamic Education*, Volume 2(2): 59-70.
- Andang Andaiyani Binti Ahmad, Abdul Sid Bin Ambotang (2020). Pengaruh Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Persekitaran Keluarga Terhadap Stres Akademik Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 5 (6): 12-23.
- Annasai Jamar, Norhisham Muhamad (2021). Hubungan Faktor persekitaran Terhadap Penghayatan Nilai Akhlak Dalam Kalangan Pelatih. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Volume 5(1), 64-76
- Aribah Ishak, Chua Yan Piaw, Kenny Cheah Soon Lee (2022). Kesan Kecerdasan Emosi ke atas Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pemimpin Sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, volume 9 (2): 1-13.
- Azizi Yusof (2018). Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia. *Management Research Journal*, Volume 7(1), 188-196.
- Azizi Yusof (2020). Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1-11.
- Chan Siok Gim and Rodziah Mohamad Nor, (2018) Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar Sekolah Menengah di Bachok, Kelantan. *AKADEMIKA*, Volume 82 (2), 109-118
- Fariza Md. Sham (2018), Tekanan Emosi Remaja Islam. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, Volume 27 (1), 3-23
- Hamidah Sulaiman, Z.Ismail, Rorlinda Yusof. (2013). Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran Dan al-Sunnah: Aplikasinya Dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education*, Volume 1 (2), 51-57
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf, Fakrul Adabi Abdul Kadir (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah pelajar Melalui Pembelajaran social. *E-Bangi. Journal Of Social Sciences and Humanities*, Volume 17, 75-89.
- Lukman Mutalib (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, Volume 26 (20), 48-61.
- Mardziyah Ab Aziz, Nurul Ilyana Muhd Adnan (2018). Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) terhadap penghayatan akhlak pelajar. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, Volume 10 (2): 180- 190.
- Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman. (2016). Kefahaman dan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA. *Universiti Utara Malaysia*, Volume 1, 663-676.
- Nasarudin Desa @ Man, and Tengku Intan Zarina Tengku Puji, and Sabri Mohamad, (2018) Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Journal Al-Turath*, Volume 3 (1), 55-63
- Noorajamsha Nasrin, Azizan H Morshidi (2018). Kecerdasan Emosi (EI) Dan Perbezaan Gender Dalam Pekerjaan. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas Seminar Pascasiswazah*, Volume 10, 91-102

- Norsaleha Mohd. Salleh, Ab Halim Tamuri, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Salleh Amat Amriah Buang. (2016). Kecerdasan emosi Bertauhid Dalam Kalangan remaja Muslim Malaysia. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, Volume 12 (5), 179-190.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman (2020). *Hubungan Emosi Dan Akhlak Dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam*. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilization*, Volume 6, 55-66.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohamad. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih Di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Volume 7(2), 219-234.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Jurnal GJAT*, Volume 1(1). 71-90
- Shaik Abdullah Hassan. (2020). Peranan Akhlak Dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, Volume 21(1), 38-54.
- Sharifah Munirah Syed Yahaya, Norzaini Azman (2022). Tahap Kecerdasan Emosi Guru-Guru Sekolah Antarabangsa di Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 7(10): 1-17.
- Suryani, I. (2022). Aplikasi Akhlak Manusia Terhadap Dirinya, Allah SWT., dan Rasulullah SAW. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, Volume 6(1), 97-104.
- Suzylia Mamat (2016). Tahap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Remaja di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Fakulti Sains Sosial Kolej Universiti Islam Melaka*, Volume 1(1): 115-136
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ahmad Syukran Baharuddin (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, Volume 26 (2), 48-61.